

Rumah warga emas musnah  
Wartawan Sinar Harian  
4 Oktober 2016



Anggota bomba memeriksa sekitar rumah mangsa bagi memastikan api dipadamkan sepenuhnya.

BENTONG - Seorang warga emas bersama dua cucunya hilang tempat tinggal selepas rumah yang didiami mereka musnah dalam kebakaran kira-kira jam 2.35 pagi, di Kampung Chemomoi, di sini, semalam. Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Karak, Suhairul Ibrahim berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 2.47 pagi dan jentera tiba di lokasi kejadian kira-kira sejam kemudian memandangkan kawasannya jauh dari pekan Karak.

"Ketika bomba tiba di lokasi kejadian api sedang marak dan memusnahkan hampir 50 peratus rumah terbabit namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan. "Kesemua penghuni berjaya menyelamatkan diri sebaik sahaja menyedari kejadian berkenaan," katanya kepada pemberita ketika dihubungi, di sini semalam.

Suhairul berkata, pasukan bomba mengambil masa kira-kira dua jam untuk memadamkan kebakaran serta mengawal api dan operasi tamat pada jam 5.35 pagi. Beliau berkata, mangsa kini menumpang di rumah anak-anaknya buat sementara waktu dan punca kebakaran serta jumlah kerugian masih disiasat. "Seramai enam anggota serta sebuah jentera terlibat dalam operasi itu dan kami turut dibantu empat anggota dari Persatuan Bomba Sukarela. "Kami turut berterima kasih kepada orang ramai kerana bertindak segera menelefon bomba ketika berlaku kecemasan,' katanya.

Sumber: <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/rumah-warga-emas-musnah-1.568873>